



PEJABAT SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI
TINGKAT 14, 17 & 18
WISMA BAPA MALAYSIA
PETRA JAYA
93502 KUCHING
SARAWAK

FIN
Surat memo
pekeliling
Telefon Am : 082 - 441957
Kawat : FINANCIALKUCHING
Teleks : STAFIN MA70023
Faks : 082-449948/442355



SARAWAK MAJU DALAM MALAYSIA

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : SFS/00021/SFS-CIRCULARS(P)

Tarikh : 26 Mei 2011

3876

SURAT PEKELILING SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI BIL.1/2011

Kepada : Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Residen Bahagian

Y. Bhg. Datuk/Datu/Tuan/Puan.

PERATURAN ARAHAN PERUBAHAN KERJA (VARIATION ORDER) BAGI PROJEK- PROJEK DI BAWAH PERUNTUKAN KERAJAAN NEGERI

1.0 Tujuan

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan peraturan dan had nilai Arahan Perubahan Kerja atau Variation Order (VO) bagi projek-projek yang dibiayai di bawah peruntukan Kerajaan Negeri

2.0 Peraturan Arahan Perubahan Kerja (Variation Order)

2.1 Arahan Perubahan Kerja (VO) ialah sebarang penyimpangan daripada perjanjian kontrak berkaitan dengan pelan, spesifikasi dan/atau Senarai Kuantiti sama ada dipinda, ditambah atau dikurangkan.

2.2 Setiap perubahan daripada kontrak kerja hendaklah memenuhi kriteria berikut :

- (i) Tempoh kontrak masih berjalan semasa Arahan Perubahan Kerja dikeluarkan, kecuali dibenarkan di bawah syarat-syarat kontrak ;

① s.d. Akademi
info & circular
cc: Aa (UPB)

G
26/5/11

- (ii) Perubahan tidak menukar sebahagian besar skop kerja asal ;
- (iii) Bagi kerja tambahan, pelaksanaannya hendaklah di tapak bina kontrak ; dan
- (iv) Bagi kerja gantian, perubahan di dalam skop kontrak asal dan kerja asal yang ditentukan dalam skop kontrak asal hendaklah dapat dikenalpasti dalam kerja-kerja gantian tersebut.

3.0 Had Nilai Perubahan dan Kuasa Melulus

- 3.1 Sebelum mengeluarkan arahan perubahan kerja, pegawai yang bertanggungjawab hendaklah memastikan yang kerja tersebut benar-benar perlu dan ada peruntukan yang mencukupi bagi menampung perbelanjaan tambahan dan kelulusan hendaklah diperolehi terlebih dahulu daripada Pihak Berkuasa seperti berikut ;

JADUAL A		
PERATURAN ARAHAN PERUBAHAN KERJA BAGI SEMUA KEMENTERIAN / JABATAN DI BAWAH KERAJAAN NEGERI		
Bil.	Nilai Perubahan	Pihak Berkuasa Melulus
(a)	Jika jumlah perubahan kerja terkumpul yang dicadangkan tidak melebihi RM 1 juta ATAU tidak melebihi 20% daripada harga asal kontrak mengikut mana yang lebih rendah.	Setiausaha Tetap, Kementerian / Pengarah Jabatan
(b)	Dalam semua hal lain	Setiausaha Kewangan Negeri

JADUAL B		
PERATURAN ARAHAN PERUBAHAN KERJA BAGI KES-KES KHAS BAGI SEMUA KEMENTERIAN/JABATAN DI BAWAH KERAJAAN NEGERI		
Bil.	Nilai Perubahan	Pihak Berkuasa Melulus
(a)	Arahan-arahan Perubahan Kerja/pengukuran semula kuantiti sementara (provisional quantity) tanpa tambahan atau perubahan kepada skop kerja asal yang menyebabkan pengurangan harga kontrak	Pegawai Penguasa yang dinamakan di dalam kontrak
(b)	Perubahan harga seperti mana yang diluluskan oleh Setiausaha Kewangan Negeri	Pegawai Penguasa yang dinamakan di dalam kontrak
(c)	Pengubahsuaian Wang Kos Prima, Wang Peruntukan Sementara dan Pengukuran Semula Kuantiti Sementara mengikut syarat-syarat kontrak	Pegawai Penguasa yang dinamakan di dalam kontrak
(d)	<p>Pengukuran semula kuantiti sementara (provisional quantity) tanpa tambahan atau perubahan kepada skop kerja asal :</p> <p>(i) Nilai harga tambahan bagi pengukuran semula kuantiti dibenarkan sehingga 30% pada nilai kontrak tetapi tidak melebihi RM 1 juta, yang mana lebih rendah.</p> <p>(iii) Dalam semua hal lain.</p>	<p>Setiausaha Tetap, Kementerian/ Pengarah Jabatan</p> <p>Setiausaha Kewangan Negeri</p>
(e)	<p>Tuntutan yang dibenarkan dalam syarat-syarat kontrak :</p> <p>(i) Kerugian dan perbelanjaan disebabkan oleh kelambatan Kerajaan dan/atau kerana mematuhi perubahan keperluan Berkanun (<i>statutory requirement</i>)</p> <p>(ii) Pecanggahan dalam atau antara dokumen-dokumen kontrak.</p>	<p>Satu Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Ketua Jabatan yang berkenaan dan hendaklah dianggotai oleh wakil Peguam Besar Negeri</p> <p>Satu Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Ketua Jabatan yang berkenaan dan hendaklah dianggotai oleh wakil Peguam Besar Negeri</p>

PERATURAN ARAHAN PERUBAHAN KERJABAGI KES-KES KHAS BAGI SEMUA JABATAN/AGENSI DI BAWAH KERAJAAN NEGERI		
Bil.	Nilai Perubahan	Pihak Berkuasa Melulus
	(iii) Tuntutan lain yang nyatanya dibenarkan dalam syarat-syarat kontrak.	Satu Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Ketua Jabatan yang berkenaan
	(iv) Apa-apa kos yang ditanggung berhubung dengan fi dan caj pemindahan pembentungan bekalan air, bekalan elektrik dan lain-lain yang berkenaan.	Satu Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Ketua Jabatan yang berkenaan


4.0 Kuat Kuasa

4.1 Surat pekeliling ini berkuat kuasa pada tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

" BERSATU BERUSAHA BERBAKTI "

" AN HONOUR TO SERVE "



[DATO SRI AHMAD TARMIZI HAJI SULAIMAN]
Setiausaha Kewangan Negeri
SARAWAK

s.k : Setiausaha Kerajaan, Sarawak
Pengarah Audit, Sarawak

